

27 JUL 1998

Mahathir-SAID

DR MAHATHIR: JANGAN TERLALU PERCAYAKAN PELABUR

Oleh: Zulkefli Salleh

SWAKOPMUND (Namibia), 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan negara-negara membangun agar berhati-hati dalam menarik pelaburan asing dan meminta mereka supaya tidak terlalu terbuka.

"Negara-negara Afrika janganlah terlalu lurus dengan pelabur yang datang untuk melabur di negara mereka," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata demikian di persidangan media yang dihadiri bersama oleh Presiden Namibia Dr Sam Nujoma sempena Dialog Antarabangsa Afrika Selatan '98 (SAID) yang bermula di sini semalam.

Beliau berkata beliau menghadiri SAID kedua ini untuk berkongsi pengalaman negara-negara Asia yang mengalami kejatuhan nilai matawang akibat manipulasi oleh peniaga matawang.

"Saya berada di sini untuk berkongsi pengalaman dan memberi beberapa petunjuk supaya mereka tidak ditimpa nasib yang sama," katanya semasa ditanya mengenai pandangan beliau mengenai krisis matawang dan usaha-usaha Malaysia untuk mengatasinya.

"Perkara ini telah berlaku kepada kami. Daripada sebuah negara yang sederhana kaya dan membangun, kekayaan kami telah dikurangkan separuh. Malah sesetengah jiran kami lebih teruk lagi," kata beliau.

Beliau berkata Malaysia sentiasa mengalu-alukan pelabur asing yang tulen untuk membantu membangunkan ekonominya.

"Kami mahu mereka datang dan bantu ekonomi kami berkembang tetapi sesetengah daripada mereka mempunyai rancangan lain. Contohnya mereka memasuki pasaran saham kami dan menaikkan harga saham tetapi kemudian mereka menjualkannya dan mengaut untung yang banyak," kata beliau.

Dr Mahathir dijadual menghadiri forum dialog hari ini sebagai pengantara pada petang ini yang membincangkan topik "Liberalisasi dan Penswastaaan - Perkongsian Bijak Bagi Mengekal Kuasa".

Beliau juga dijadual berucap mengenai "Penguasaan Kerjasama Global" di majlis bankuet penutup SAID malam esok.

Sementara itu, dasar kerjasama Perkongsian Bijak Malaysia telah mendapat perhatian negara-negara Selatan Afrika berdasarkan minat yang ditunjukkan di Dialog Antarabangsa Selatan Afrika kedua ini.

Konsep yang dicetuskan di Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang pertama dua tahun lalu itu nampaknya telah berkembang menjadi konsep global yang dinamik di dialog yang berlangsung di bandar peranginan iklim sederhana ini.

Dr Sam Nujoma, berkata konsep itu merupakan saluran di mana rakan perkongsian sama ada individu, syarikat dan negara, walaupun memiliki kekuatan yang berbeza, boleh bekerjasama bagi faedah bersama.

"Ia sesuai dengan suasana Afrika Selatan kerana adanya warisan bekerjasama dan berkongsi di kalangan kami," katanya.

Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Tan Sri Omar Abdul Rahman yang juga pengerusi Komanwel Perkongsian Teknologi (CPTM), penganjur bersama dialog itu berkata kesedaran yang mendalam telah dapat diwujudkan bagi konsep perkongsian bijak.

Format dialog yang interaktif, tidak bersifat rasmi dan secara bersahaja membolehkan perbincangan dan pengaliran fikiran dijalankan secara bebas dan berterus terang.

"Ketika ketua-tua kerajaan menghadiri Dialog Langkawi pada 1996 dulu, mereka menyedari keberkesanan pertemuan seperti itu," katanya.

Banyak hasil telah diperolehi daripada dialog itu dengan adanya dialog yang serupa di Botswana dan pertemuan-pertemuan di Barbados dan Afrika Selatan.

Pusat perbincangan peringkat kebangsaan juga telah diwujudkan di Malawi, Botswana, Mozambique, Swaziland dan Zimbabwe, kata Omar.

"Ia bukanlah idea yang dipaksa ke atas semua orang tetapi satu idea yang telah dicetuskan di Langkawi dan kemudian menghasilkan satu pusaran".

Dr Mahathir yang tiba di sini Sabtu juga mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa pemimpin terkemuka Afrika.

Antaranya Dr Sam Nujoma, presiden Botswana Festus G. Mogae dan presiden Zimbabwe Robert Mugabe.

Nujoma mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir selepas majlis makan malam pada Sabtu selepas pemimpin Afrika itu menyambut ketibaan beliau manakala Mogae dan Mugabe mengunjungi Dr Mahathir awal semalam yang turut membincangkan krisis kewangan, perdagangan dan kerjasama Selatan-Selatan.

Malaysia menghantar ramai perwakilan terdiri daripada sektor kerajaan dan swasta ke SAID '98 ini.

Antara mereka ialah tokoh-tokoh korporat seperti pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajuddin Ramli, ketua eksekutif Telekom Malaysia Datuk Mohamad Said, Datuk Tengku Azzman Shariffudeen (MIMOS), Tan Sri Kishu Tirathai (Globe), Datuk Dr Mohan Swami (Chase Perdana) dan Datuk Shahril Shamsuddin (Sapura).

Dialog itu yang disertai 14 negara di selatan Afrika dan dihadiri oleh tujuh ketua kerajaan bertemakan "Perkongsian Bijak Bagi Pengurusan Hasil Kekayaan di Selatan Afrika".

Ia bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta melalui perkongsian bijak.

SAID pertama diadakan di Kasane, Botswana tahun lepas.

--BERNAMA

zks oba